

30 MAY 2002

MPI TERIMA SUMBANGAN TIKET PENERBANGAN DARI MAS

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Institut Akhbar Malaysia (MPI) hari ini menerima sumbangan tiket penerbangan daripada Penerbangan Malaysia bagi Malam Kewartawanan Malaysia.

Pengurus Besar Kanan Perkhidmatan Korporat MAS Dr Mohamadon Abdullah menyerahkan 14 tiket penerbangan ke pelbagai destinasi dalam dan luar negara kepada Pengarah MPI Zaihan Mahmod dalam satu majlis di sini, hari ini.

Majlis Malam Wartawan Malaysia akan diadakan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dan dalam majlis itu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan Hadiah Kewartawanan Malaysia kepada pemenang-pemenang.

Zaihan memberitahu pemberita selepas majlis penyerahan tiket itu MPI akan mempertimbangkan cadangan MAS supaya diwujudkan satu anugerah untuk kategori wartawan industri penerbangan pada masa akan datang.

Hadiah Kewartawanan Malaysia menawarkan 10 anugerah bernilai sejumlah RM150,000, termasuk Anugerah Kajai, Wartawan Cemerlang, Kewartawanan Berita/Rencana, Foto Media Terbaik, Kewartawanan TV, Rencana TV Terbaik dan Laporan Ekonomi/Kewangan.

-- BERNAMA

VG ZS PR